

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	5 OCTOBER 2016

Orang Melayu hilang seorang tokoh yang amat berjasa – PM

KUALA LUMPUR 4 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan orang Melayu hari ini kehilangan seorang tokoh yang amat berjasa kepada bangsa, agama dan tanah air dengan kematian veteran UMNO, Tan Sri Abdul Aziz Tapa.

Perdana Menteri berkata, kematian Tokoh Melayu Terbilang itu merupakan satu perkhabaran sedih bukan sahaja kepada UMNO tetapi orang Melayu secara keseluruhannya kerana Allahyarham di sepanjang hayatnya tidak pernah lekang berjuang demi bangsanya.

“Innalillahi wainnailaihirajjun. Dapat perkhabaran sedih, Tokoh Melayu Terbilang, Tan Sri Abdul Aziz Tapa baru sahaja meninggalkan kita. Kita kehilangan seorang tokoh pejuang Melayu yang cukup banyak berjasa.

“Takziah buat keluarga Allahyarham, sama-sama kita doakan roh Allahyarham ditempatkan bersama yang beriman. Al-Fatihah,” kata Perdana Menteri menerusi laman Facebooknya hari ini.

Abdul Aziz yang dilahirkan di Kampung Rim, Jasin, Melaka,

UM - 5/10/2016

Waktu Solat		MBSB					
		SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
	KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya	5.43	6.59	1.03	4.15	7.04	8.13
	PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya	5.49	7.05	1.08	4.22	7.09	8.18
	KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya	5.36	6.53	12.57	4.09	6.58	8.07
	JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya	5.34	6.50	12.55	4.05	6.57	8.06
	KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya	5.08	6.24	12.29	3.38	6.30	7.39

pada 13 Jun 1923 meninggal dunia di Hospital Putra dipercayai akibat sakit tua.

Arwah yang merupakan seorang guru, mula berkecimpung dalam dunia politik pada 1946 apabila menyertai Pergerakan Melayu Semenanjung Johor iaitu gerakan anti-Ma-

layan Union diketuai Dato' Onn Jaafar.

Allahyarham pernah memegang pelbagai jawatan penting dalam UMNO dan Barisan Nasional (BN) Melaka selain turut menjadi Ahli Dewan Negara (1975-1977), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nyalas pada 1978 dan ADUN Rim pada 1982.

Antara anugerah yang pernah diterimanya pula ialah Tokoh Guru Peringkat Kebangsaan 1986, Anugerah Tokoh Budaya Negeri Melaka 2003, Anugerah Tokoh Maal Hijrah Negeri Melaka dan Anugerah Tokoh Melayu Terbilang.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi turut sama mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham dan berdoa agar roh arwah ditempatkan bersama golongan para solihin.

“Semoga roh Allahyarham Tan Sri Abdul Aziz Tapa ditempatkan bersama golongan para solihin. Tokoh Melayu Terbilang banyak berjasa pada negara. Al-Fatihah,” kata Ahmad Zahid yang dipetik melalui laman Twitternya.